

Melestarikan Islam di Alam Melayu Menerusi Pengajian Ilmu Kalam Berdasarkan Perspektif Ibn Khaldun

***Preserving Islam in the Malay World through
the Study of Ilm al-Kalam Based on the Perspective
of Ibn Khaldun***

Norafifah Ab Hamid (Corresponding Author)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.
norafifah@uitm.edu.my

Mohd Fauzi Hamat

Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
mfhamat@um.edu.my

Azmil Zainal Abidin

Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
hadiqah_irfan@um.edu.my

Mariam Abdul Rahman

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Islam Sultan Sharif Ali. BE 1310 Negara Brunei Darussalam.
mariam.rahman@unissa.edu.bn

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.2>

Abstract

Ilm al-kalam that uses the arguments of reason in convicting the principles of the creed of faith and refute ideologies doubt be viewed as a discipline that can make a significant contribution in preserving Islam in the Malay world, especially at a time when the Muslim community currently inhabiting the region had faced with various challenges of thought and ideology that challenged their beliefs based on the Sunni school of thought. Therefore, the study of *ilm al-kalam* have highlighted that it is clearly understood by approaches that are relevant in the context of Islam in the Malay community now. This article attempts to examine the concept of *ilm al-kalam* according to Ibn Khaldun, based on the work of his magnum opus, the Prolegomena and examine the relevance of his thinking about *ilm al-kalam* now in order to preserve Islam in the Malay world. This study is qualitative by using data collection methods by documentation and data analysis methods by content analysis using

deductive and inductive approaches. Among the issues that will be analyzed is the importance of using the *aqliyya* or rational approach to achieve *ma'rifatullah* which is the basis of perfection of every Muslim in terms of thinking and the extent to which this approach can be the basis to fortify them from being influenced by ideologies that deviate from Sunni school of thought. This article concludes that an approach that combines the argument of reason with revelation is able to produce *ma'rifatullah* based on convincing argument and this approach is able to refute the doctrines that deviate from the Sunni based on the school of Asharites. In addition, the study of *ilm al-kalam* should also emphasize the practical aspect, which is the aspect of appreciation that focuses on the aspect of compliance with the sharia in human life. When this is achieved, then it is definitely going to be able to preserve Islam in the Malay world over the centuries. Several suggestions will also be put forward to strengthen the study of *ilm al-kalam* in accordance with the current challenges faced by Muslims today.

Keywords: ilm al-kalam; Ibn Khaldun; the Prolegomena; the Malay world

Abstrak

Ilmu kalam yang menggunakan dalil-dalil akal dalam mensabitkan prinsip akidah keimanan dan menolak fahaman meragukan perlu dilihat sebagai satu disiplin ilmu yang boleh memberi sumbangan penting dalam melestarikan Islam di Alam Melayu, khususnya di kala masyarakat Islam kini yang mendiami rantau ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran pemikiran dan ideologi yang menggugat pegangan akidah mereka berdasarkan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Oleh itu pengajian ilmu kalam perlu diketengahkan agar ia difahami dengan sebaiknya berdasarkan pendekatan yang sesuai dan relevan dalam konteks masyarakat Islam di Alam Melayu kini. Artikel ini cuba mengkaji konsep pengajian ilmu kalam menurut Ibn Khaldun berdasarkan karya beliau yang terkenal iaitu Kitab *Muqaddimah* dan meneliti kerelevanannya pemikiran beliau tentang ilmu kalam kini dalam rangka melestarikan Islam di Alam Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data secara analisis kandungan dengan menggunakan pendekatan deduktif dan induktif. Antara isu yang dianalisis ialah kepentingan pendekatan akliyah dalam mencapai *ma'rifatullah* yang menjadi asas kesempurnaan setiap Muslim dari segi pemikiran dan sejauh mana pendekatan ini mampu menjadi asas untuk membentengi mereka daripada terpengaruh dengan fahaman yang menyeleweng daripada ASWJ. Artikel ini merumuskan bahawa pendekatan yang

menggabungkan antara hujahan akal dengan wahyu mampu menghasilkan *ma'rifatullah* berdasarkan hujah menyakinkan dan pendekatan ini berupaya untuk menolak fahaman yang menyeleweng daripada mazhab ASWJ berdasarkan mazhab al-Asha'rah. Selain itu, pengajian ilmu kalam juga perlu memberi penekanan kepada aspek amali iaitu aspek penghayatan yang menumpukan aspek pematuhan terhadap syariat dalam kehidupan insan. Apabila hal ini tercapai, maka sudah pasti Islam akan dapat dilestarikan di Alam Melayu ini di sepanjang zaman. Beberapa saranan juga akan dikemukakan bagi memantapkan pengajian ilmu kalam sesuai dengan cabaran semasa yang sedang dihadapi oleh umat Islam kini.

Kata Kunci: ilmu kalam; Ibn Khaldun; kitab Muqaddimah; alam melayu.

Pendahuluan

Secara rasminya pegangan umat Islam di Alam Melayu adalah berasaskan kepada mazhab Ash'ari dari segi akidah, mazhab Syafi'i dari segi fikah, dan mengikuti tasawuf al-Ghazali dari segi akhlak. Malahan, pegangan ini turut dipelihara oleh para sultan sejak dahulu lagi demi menjaga kelestarian Islam dan keharmonian masyarakat di Alam Melayu.¹ Realitinya kini Alam Melayu terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran ideologi dan golongan bidaah yang turut menggugat pegangan umat Islam. Lantaran itu, pengajian ilmu kalam dilihat sangat penting sebagai persediaan masyarakat Islam di Alam Melayu untuk berhadapan dengan cabaran yang sedang dihadapi bagi memastikan kelestarian Islam tersebut. Selain itu, pengajian ilmu kalam dilihat sangat penting kerana menurut Ibn Khaldun ilmu kalam ialah ilmu yang mengandungi atau menggunakan hujah-hujah bagi mempertahankan akidah keimanan dengan dalil-dalil akal dan untuk menolak golongan ahli bidaah yang menyimpang dalam perkara iktikad daripada mazhab salaf dan Ahli Sunnah.² Mazhab salaf dan Ahli Sunnah dalam definisi Ibn Khaldun tersebut jelas dapat dihubungkan dengan Mazhab Asha'rah kerana kesemua manhaj yang dibawa oleh al-Ash'ari merupakan manhaj yang jelas

¹ Muhammad Ayman al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim, "Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu," Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Wal Jamaah 3.0 (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019).

² 'Abd al-Rahman bin Khaldun, *Muqaddimah* (Kaherah: Dar al-Fajr, 2013), 551.

dipelopori dari manhaj ulama salaf.³ Seterusnya istilah Ahli Sunnah pula adalah dirujuk kepada Mazhab al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah bila mana istilah ini disebut secara mutlak sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zabidi.⁴ Oleh itu, peranan pengajian ilmu kalam berteraskan mazhab al-Asha'irah dalam mengukuhkan akidah dan menolak golongan yang menyeleweng daripada mazhab arus perdana ini dilihat sangat relevan dalam konteks melestarikan Islam di Alam Melayu. Justeru, artikel ini memfokuskan perbincangan tentang kerelevan pengajian ilmu kalam dalam konteks melestarikan Islam di Alam Melayu berdasarkan kitab *Muqaddimah* Ibn Khaldun. Sebelum itu, dibentangkan sorotan ringkas latar belakang Ibn Khaldun dan sumbangannya dalam bidang ilmu kalam.

Sorotan Latar Belakang dan Sumbangan Ibn Khaldun dalam Ilmu Kalam

Ibn Khaldun yang dikenali di seluruh dunia sebagai tokoh dalam bidang sejarah dan sosiologi pada hakikatnya turut terlibat mendalami bidang ilmu kalam. Nama sebenar beliau ialah ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hasan bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin ‘Abd al-Rahman Ibn Khaldun. Beliau dilahirkan pada bulan Ramadan, tahun 734 H bersamaan 27 Mei 1332 di Tunisia. Ibn Khaldun berasal daripada sebuah keluarga Andalusia yang telah berhijrah ke Tunisia pada pertengahan abad ke 7H. Tokoh ini telah meninggal dunia pada tahun 1406M di Kaherah, Mesir. Keluarga beliau berasal daripada keturunan Khaldun yang berketurunan Arab Selatan dan telah berhijrah ke Andalus (Sepanyol) dalam tahun-tahun awal pembukaan oleh tentera Arab Muslimin.⁵ Gelaran Ibn Khaldun adalah merujuk kepada moyang beliau yang bernama Khalid bin Uthman dan kemudiannya ‘Khalid’ ditukar menjadi ‘Khaldun’ dengan tambahan *waw* dan *nun* di akhir perkataan ‘Khalid’ oleh masyarakat Andalusia dan Maghribi

³ Mohd Haidar Kamarzaman, “Kesinambungan Akidah al-Ash’ari terhadap Pendekatan Salaf al-Salih dalam Persoalan Sifat,” *International Journal of Islamic Thought (IJIT)* 16 (2019), 69-84.

⁴ Muhammad Murtada al-Zabidi, *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin Sharh Ihya’ Ulum al-Din* (Beirut: Darul Fikr, t.t.).

⁵ Mohammad Abdullah Enan, *Ibn Khaldun His Life and Works* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2007), 3-41.

sebagai lambang takzim dan sanjungan mereka terhadapnya. Sementara nama gelaran intelek beliau, *Wali al-Din* merujuk kepada jasa-jasa dan peranan beliau sebagai ‘*Guardian of the Religion*’.⁶

Latar belakang keluarga Ibn Khaldun yang berada pada kelas dan kedudukan yang baik membolehkan beliau mendapat pendidikan yang sempurna. Pengalamannya yang luas dalam menjalani kehidupan di Tunisia (1350H), Moroko (1355H), Sepanyol (1362H) dan Mesir (1382H) telah mematangkan ilmu dan pemikiran beliau. Beliau telah mendapat pendidikan formal di tempat lahirnya Tunisia selama 18 tahun. Bapa Ibn Khaldun, Muhammad bin Muhammad ialah seorang ulama terkenal di Tunisia⁷ yang mementingkan aspek keilmuan dan pendidikan Islam khususnya yang memberi penekanan kepada penguasaan bidang fikah, bahasa dan sastera kepada anaknya. Bapanya merupakan guru dan mentor pertamanya yang telah mengajar dan mendidiknya membaca dan menghafal al-Quran, ilmu Qiraat di samping ilmu tafsir, fikah dan hadis. Setelah itu, beliau belajar pula ilmu bahasa Arab (nahu) dan ilmu-ilmu lain bersama ulama-ulama yang terkenal pada zaman tersebut di Masjid al-Qubbah di Tunisia.⁸

Ibn Khaldun telah mendalami ilmu fikah mazhab Maliki serta usul fikah dan tauhid. Bukan itu sahaja, beliau juga turut belajar dan mendalami setiap cabang ilmu bahasa, mantik (logik), falsafah dan ‘ulum tabi’iyah (ilmu-ilmu moden yang bersifat amali seperti ilmu fizik, geografi, ekonomi dan sains). Menurut Idris Zakaria, disebabkan itu Ibn Khaldun turut disifatkan sebagai penyambung tradisi intelek Aristotle tetapi pendekatan Ibn Khaldun dilihat berbeza dengan tokoh falsafah tersebut kerana beliau telah menggabungkan antara aspek teoretikal dengan realiti. Pendekatan Ibn Khaldun dilihat lebih mantap kerana mampu menelusuri hakikat dan sejarah serta meneroka lebih mendalam unsur metafizik dan agama yang dijalin secara sepadu dalam

⁶ Mohd Nasir Omar & Muda @ Ismail Ab Rahman, “Biografi Ibnu Khaldun,” dalam *Falsafah Ibn Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015), 5.

⁷ Mohammad Abdullah Enan, *Ibn Khaldun His Life and Works*, 3-41.

⁸ Mahayudin Haji Yahaya, Umran Alam Wadah Pembangunan Ummah (Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2013), 43.

pemikirannya.⁹ Sehubungan itu, beliau dikenali sebagai tokoh ilmuwan besar yang namanya dikenali di dunia Timur dan Barat. Beliau telah tersenarai dalam barisan *macrohistorians* terkemuka dunia dan karyanya menjadi rujukan penting dalam kajian historiografi moden.¹⁰

Hal ini dapat dilihat secara jelas melalui karya agung beliau *Muqaddimah*, atau dikenali sebagai *Prolegomenon* bagi ilmuwan Barat. Ia menjadi rujukan dan inspirasi kepada karyawan Muslim dan bukan Muslim sepanjang zaman. Karya ini pada asalnya tidak mendapat perhatian dari ahli-ahli sosiologi Barat sehingga Arnald Toynbee (1889-1975) mengangkatnya sebagai buku teragung. Karya ini bermula dengan penelitian beliau terhadap sejarah orang-orang Arab dan Barbar yang mengandungi pendekatan saintifik tentang pemahaman sejarah, politik dan ekonomi. Di samping itu, karya ini terhasil dari sudut pandang kehebatan falsafah Ibn Khaldun yang mencakupi hampir keseluruhan subjek falsafah dalam Islam.¹¹

P.K. Hitti (1886-1978) dalam bukunya *History of the Arabs* (1937) pula berpendapat bahawa tidak ada pengarang Eropah yang pernah mengambil pandangan tentang sejarah yang bersifat falsafah sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Khaldun.¹² Kitab *Muqaddimah* jelas bersifat falsafah kerana Ibn Khaldun bukan sekadar menitikberatkan persoalan tentang peristiwa lalu dan merekodkannya, tetapi juga bertanya tentang apa, bagaimana dan mengapa terhadap setiap fenomena peradaban yang berlaku.¹³ Karya Ibn Khaldun *Muqaddimah* mendapat perhatian besar daripada sarjana-sarjana Barat sehingga ia diterjemah ke dalam

⁹ Idris Zakaria, "Hubungan Politik dan Agama," dalam *Falsafah Ibn Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015), 89.

¹⁰ Zaid Ahmad, "Ibn Khaldun: Tradisi Ilmu dan Relevansinya dalam Wacana Kontemporari," dalam *Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari* (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2007), 3-17.

¹¹ Ahmad Sunawari Long, *Falsafah Ibn Khaldun*, vii.

¹² Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syariehudin Abdullah, "Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1392M) Dalam Dunia Pendidikan," dalam *Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari*, ed. Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeeng Deuraseh, Sri Rahayu Ismail & Haslinda Abdullah (Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia, 2007), 71.

¹³ Azmil Zainal Abidin, "Kajian Kemasyarakatan dan Ketamadunan (Ilmu 'Umran) Menurut Perspektif Usuluddin: Tumpuan Analisis Terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun," dalam *Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari* (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2007), 171.

Bahasa Perancis oleh seorang orientalis Perancis terkenal, Baron McG De Slane (1801-1878) dengan judul *Autobiographi d'Ibn Khaldoun* yang diterbitkan dalam *Journal Asiatique* pada tahun 1844 dan *Les Prolegomenes d'Ibn Khaldoun* pula diterbitkan pada tahun 1863. Charles Issawi (1916-2000) kemudiannya telah menterjemah ke dalam Bahasa Inggeris dengan judul *An Arab Philosophy of History*.¹⁴

Muqaddimah telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di sebelah Barat mahupun Timur.¹⁵ Karya beliau ini dilihat masih relevan dengan dunia kini. Menurut Arnold Toynbee (1889-1975), *Muqaddimah* merupakan sebuah karya agung yang tidak pernah dihasilkan oleh sesiapa pun di mana-mana atau pada bila-bila masa. Dalam ucapan popular oleh Arnold Toynbee mengenai ketokohan Ibn Khaldun, beliau menyatakan seperti berikut:

*He (Ibn Khaldun) has conceived and formulate a philosophy of history which is undoubtedly the greatest work of kind that has ever been created by any mind in any time and space.*¹⁶

Lebih daripada itu, *Muqaddimah* turut memuatkan perbincangan mengenai ilmu kalam. Perbincangan mengenai ilmu kalam dalam *Muqaddimah* jelas dapat dilihat secara khusus pada bab keenam. Pada hakikatnya penghasilan karya *Muqaddimah* juga jelas turut menjadi medium kepada Ibn Khaldun untuk mengabadikan pemikiran beliau tentang ilmu kalam atau usuluddin untuk panduan umat Islam berdasarkan latar belakang penelitiannya sebagai ahli sosiologi. Ilmu kalam membincangkan persoalan berkaitan tauhid ketuhanan sebagai mauduk utama wacananya. Ini selaras dengan pandangan Azmil Zainal Abidin yang menyatakan bahawa pemikiran Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* adalah bertitik tolak daripada konsep *sunnatullah*

¹⁴ Yusri Mohamad Ramli, "Pandangan Sarjana Terhadap Nuansa Pemikiran Ibnu Khaldun," dalam *Falsafah Ibni Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015), 7-16

¹⁵ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dengan Islam Hadhari dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama di Malaysia," dalam *Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari*, ed. Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeng Deuraseh, Sri Rahayu Ismail & Haslinda Abdullah (Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia, 2007), 114.

¹⁶ A. Toynbee, *A Study of History* (London: Oxford University Press, 1956).

dan amat berkait rapat dengan sifat iradat Allah SWT. Hal ini dapat dilihat secara jelas khususnya melalui teori ‘umran yang dinukilkan Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*. Kerangka asas teori ‘umran adalah bertunangkan kefahaman terhadap sifat iradat Allah SWT. Paradigma tauhid tidak ditinggalkan oleh Ibn Khaldun dalam penganalisisan beliau terhadap fenomena perubahan sosial.¹⁷

Selain itu menurut, teori ‘umran yang diperkenalkan Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* telah membentangkan hubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam. Teori ini memperincikan bagaimana manusia dan alam perlu tunduk dan patuh kepada suatu hukum yang ditentukan oleh penciptanya iaitu *sunnatullah*. Ibn Khaldun turut mengemukakan suatu model keseimbangan dalam memenuhi tuntutan tabie manusia, jasmaniah dan rohaniah, haiwan rasional dan khalifah Allah SWT di bumi.¹⁸ Ini jelas menunjukkan bahawa pegangan tauhid menjadi asas kepada latar belakang pemikiran Ibn Khaldun khususnya dalam menghasilkan karya *Muqaddimah*.

Sebelum Ibn Khaldun menghasilkan karya *Muqaddimah*, beliau telah menghasilkan sebuah karya tentang ilmu kalam yang bertajuk *Lubab al-Muhassal* pada usia seawal 20 tahun dan ia dikatakan sebagai karya pertama beliau yang diselesaikan penulisannya pada bulan April tahun 1351.¹⁹ Karya ini merupakan ringkasan daripada karya al-Razi iaitu *Muhassal Afsar al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhirin*. Ini jelas menunjukkan bahawa ilmu kalam yang merangkumi aspek ketuhanan, kenabian, perkara ghaib dan *imamah* merupakan ilmu awal yang telah didalami oleh Ibn Khaldun. Ini membuktikan bahawa ilmu kalam telah menjadi tunjang asas kepada pemikiran Ibn Khaldun sejak beliau berusia remaja dan sebelum penghasilan karya-karya beliau yang lain. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa ilmu kalam telah melatari pemikiran Ibn Khaldun dalam menghasilkan teori ‘umran dan karya *Muqaddimah* beliau.

¹⁷ Azmil Zainal Abidin, “Kajian Kemasyarakatan dan Ketamadunan,” 172.

¹⁸ Zaid Ahmad, “Muqaddimah Ibn Khaldun: Pengasas Ilmu Sejarah Sebagai Disiplin Sains Sosial,” dalam *Karya Agung Tamadun Islam & Tamadun Melayu*, ed. Khairul Azhar Idris (Kuala Lumpur: IKIM, 2014), 61-84.

¹⁹ Muhsin Mahdi, *Falsafah Sejarah Ibn Khaldun Kajian Tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*, terj. Amilah Awang Abd Rahman, 26.

Hakikatnya pemikiran Ibn Khaldun turut dipengaruhi oleh pemikiran kalam al-Razi rentetan daripada perubahan besar yang telah berlaku ke atas Mazhab Maliki. Pada akhir abad ke-13, Mazhab Maliki telah mengalami perubahan besar kesan daripada hubungan dengan mazhab di Iraq dan penyesuaian dengan perkembangan pemikiran di sebelah Timur yang dibawa oleh para pelajar al-Razi. Lantaran itu, pendekatan berasaskan penyelesaian masalah keagamaan dan perundangan telah bertukar kepada pendekatan pengharmonian baharu antara ilmu falsafah rasional dengan bidang keagamaan.²⁰

Tambahan, pemikiran al-Razi yang dibawa masuk ke Tunis oleh Ibn Zaitun masih lagi diajar ketika Ibn Khaldun berusia remaja. Ibn Zaitun merupakan murid kepada al-Razi dan pernah mengembara ke Timur. Seterusnya Abily, guru yang mengajar ilmu logik kepada Ibn Khaldun turut mendapat pendidikan daripada para pelajar Ibn Zaitun. Jelas dapat dinyatakan bahawa pengaruh pemikiran al-Razi sampai kepada Ibn Khaldun adalah melalui para guru beliau.²¹ Sehubungan itu, tidak hairanlah jikalau Ibn Khaldun disebut sebagai seorang pemikir Muslim serba boleh dan dikategorikan sebagai tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut aliran Ash'ariyah sebaris dengan al-Razi (1150-1210) dan al-Ghazali (1058-1111).²²

Pada sisi lain, Ibn Khaldun melihat ilmu kalam secara keseluruhannya hanyalah berfaedah sebagai senjata untuk memerangi bidaah dan memelihara iman umat Islam daripada gangguan syak falsafah.²³ Fakta ini jelas dapat difahami berdasarkan definisi ilmu kalam yang disebut oleh beliau dalam *Muqaddimah* yang menyatakan bahawa ilmu kalam bertujuan untuk membuktikan kebenaran akidah keimanan dengan menggunakan dalil-dalil akal dan menolak golongan-golongan bidaah yang menyeleweng dalam perkara akidah daripada mazhab salaf dan Ahli Sunnah.²⁴

Dalam mengkaji pemikiran Ibn Khaldun mengenai ilmu kalam, dua situasi berbeza akan ditemui. Situasi pertama adalah ketika beliau masih di usia remaja dengan karya *Lubab al-*

²⁰ Muhsin Mahdi, *Falsafah Sejarah Ibn Khaldun*.

²¹ Muhsin Mahdi, *Falsafah Sejarah Ibn Khaldun*.

²² Mahayudin Haji Yahaya, *Umran Alam Wadah Pembangunan Ummah*, 63.

²³ Muhsin Mahdi, *Falsafah Sejarah Ibn Khaldun*, 18.

²⁴ 'Abd al-Rahman ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 551.

Muhassal dan situasi kedua tatkala beliau menghasilkan karya *Muqaddimah*. Dalam konteks *Muqaddimah*, Ibn Khaldun kelihatan tidak menjadikan ilmu kalam sebagai fokus utama sebaliknya fokus utama adalah kepada aspek sosiologi. Ini kerana keadaan pergolakan politik pada ketika itu yang menuntut Ibn Khaldun untuk membangunkan masyarakat. Walau bagaimanapun, elemen ilmu kalam tetap melatari teori ‘umran dalam *Muqaddimah*.

Daripada itu dapat disimpulkan bahawa Ibn Khaldun amat menekankan kepentingan untuk memahami ilmu kalam tetapi ia perlu diaplikasi dalam situasi yang tepat. Karya beliau ini juga turut menekankan kepentingan berpegang kepada mazhab salaf dan Ahli Sunnah dan menolak fahaman-fahaman yang menyeleweng yang menjadi mazhab arus perdana pada zamannya. Ini jelas tererlah pada definisi ilmu kalam yang dikemukakannya dalam *Muqaddimah*. Justeru, pemikiran Ibn Khaldun sewajarnya dijadikan contoh dan rujukan dalam konteks Alam Melayu kerana ia dilihat masih relevan hingga kini khususnya dalam konteks melestarikan Islam di Alam Melayu.

Kerelevan Pengajian Ilmu Kalam dalam Melestarikan Islam di Alam Melayu

Pengajian ilmu kalam di Alam Melayu bukanlah suatu perkara yang asing. Hakikatnya kefahaman akidah yang menjadi mauduk utama perbincangan ilmu kalam telah pun mendapat perhatian para ulama di Alam Melayu bermula hujung abad ke-15 Masihi atau ke-9 Hijrah lagi. Hal ini terbukti melalui karya-karya akidah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (w. 895H/1490M) yang mewakili tradisi akidah *Ash’ariyyah* khususnya karya beliau *Umm al-Barahin* yang telah memberikan banyak kesan terhadap akidah di Alam Melayu. Selain itu, para sultan di rantau ini juga menunjukkan usaha gigih mempertahankan akidah Ahli Sunnah dengan cara mengarang karya-karya ilmiah yang menyentuh permasalahan akidah. Antaranya *Risalah Iskandar Shah* yang dikarang oleh Sultan Alang Iskandar Shah (w. 1938M) yang merupakan Sultan Negeri Perak yang ke-30. Kitab ini mengumpulkan perbahasan tauhid, fikah dan tasawuf. Didapati jalan akidah yang diikuti oleh sultan ialah jalan *muta’akhhirin*

Asha‘irah yang membahaskan sifat-sifat Allah SWT mengikut acuan sifat 20 al-Sanusi.²⁵

Lantaran itu dapat dinyatakan bahawa usaha yang telah dilakukan oleh para ulama dan umara dalam mengukuhkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu bermula hujung abad ke-15 sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kelestarian Islam di Alam Melayu pada ketika itu. Usaha yang telah dilakukan oleh mereka turut dilihat selari dengan objektif pengajian ilmu kalam yang ditekankan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* yang juga amat menekankan pegangan akidah Mazhab Asha‘irah. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi dua objektif utama ilmu kalam menurut Ibn Khaldun. Pertama aspek pensabitan prinsip akidah keimanan dengan menggunakan dalil-dalil akal bagi mencapai *makrifatullah* dan objektif kedua, aspek penolakan terhadap aliran pemikiran yang dibawa oleh ahli bidaah yang menyimpang dalam perkara iktikad daripada mazhab salaf dan Ahli Sunnah. Objektif ilmu kalam yang terkandung dalam definisi disiplin ini menurut Ibn Khaldun adalah selari dengan apa yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh *mutakallimin* terkemuka. Al-Ghazali misalnya dalam kitab *al-Munqidh min al-Dhalal* menjelaskan bahawa matlamat disiplin tersebut adalah untuk memelihara akidah Ahli Sunnah dan mengawalnya daripada pengeliruan (*tashwîh*) yang dibawa oleh ahli bidaah.²⁶

Lantaran itu pengajian ilmu kalam sangat penting untuk kelestarian Islam di Alam Melayu khususnya dalam usaha meluruskan pegangan akidah masyarakat Islam sekaligus mengukuhkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tambahan, dalam konteks Alam Melayu kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran aliran pemikiran dan segala macam ajaran sesat yang mengelirukan masyarakat umat Islam. Kemunculan aliran-aliran ini adalah akibat daripada penyelewengan terhadap ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh yang demikian, pengajian ilmu kalam perlu dipergiatkan dalam konteks Alam Melayu bagi memperkuatkan pegangan akidah masyarakat Islam demi mengekalkan keharmonian masyarakat yang seterusnya membawa kepada kelestarian Islam di Alam Melayu.

²⁵ Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim, “Ahli Sunnah Wal Jamaah.”

²⁶ Al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dhalal* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988).

Bagi melihat kerelevanannya ilmu kalam dalam konteks melestarikan Islam di Alam Melayu, perbincangan difokuskan kepada tiga tema utama sahaja daripada fasal khusus berkaitan ilmu kalam dalam bab enam kitab *Muqaddimah* iaitu pertama, peranan dalil akal dan wahyu dalam pencapaian *makrifatullah*, kedua pengajian ilmu kalam yang mendorong kepada aspek penghayatan amalan, dan ketiga peranan ilmu kalam dalam penolakan keraguan (bidaah).

i. Pengiktirafan Terhadap Peranan Dalil Akal dan Wahyu bagi Mencapai *Ma'rifikatullah*

Ibn Khaldun amat menekankan agar manusia menyedari bahawa peranan akal adalah terbatas bagi mencari hakikat sesuatu, khususnya untuk mengenali Allah SWT atau untuk mencapai *ma'rifikatullah*. Tanpanya, manusia tidak akan mendapat *tasawwur* yang jelas tentang hakikat kewujudan ini khususnya tentang kewujudan Allah SWT. Apabila manusia tidak mengenal Allah SWT, tentunya mereka tidak akan cuba mengenali Rasul-Nya yang membawa risalah ketuhanan. Susulan itu, manusia tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang ilmu penting yang boleh memandu kehidupannya dan memandu untuk mematuhi segala syariat yang disampaikan oleh utusan-Nya ke dunia ini. Keterbatasan dalil akal dalam mencapai hakikat kewujudan Allah SWT dan pengantungannya kepada wahyu bagi mencapai *ma'rifikatullah* ini dapat dilihat melalui pendekatan hujah kosmikal (*cosmological argument*) yang dibawa oleh Ibn Khaldun dalam karya beliau seperti berikut:

و كل واحد من هذه الأسباب حدث أيضاً فلابد له من أسباب أخرى ولا تزال تلك الأسباب مرتقبة حتى تنتهي إلى مسبب الأسباب و موجدها و خالقها سبحانه لا إله إلا هو

Terjemahan: Dan setiap satu daripada sebab-sebab ini juga merupakan sesuatu yang baharu, maka ia pasti memerlukan sebab-sebab yang lain. Dan sebab-sebab itu akan terus meningkat (berurutan) sehingga akhirnya kembali kepada Penyebab segala sebab, yang mengadakannya

dan yang menciptakannya. Maha Suci Dia,
tiada Tuhan melainkan Dia

Hujah yang dibawa ini menyatakan bahawa segala sesuatu dalam alam semesta mempunyai sebab. Oleh sebab tidak mungkin terdapat rantaian sebab akibat yang berterusan tanpa titik permulaan, maka mesti ada penyebab kepada segala sebab iaitu Allah SWT. Kemudian, Ibn Khaldun meneruskan lagi perbincangan dengan menyedarkan manusia bahawa akal yang dimiliki bersifat terbatas berbanding ilmu Allah SWT yang merangkumi segalanya. Hal ini jelas apabila manusia terus mencari jawapan untuk persoalan atas segala sebab, akhirnya akal manusia akan sampai kepada satu tahap kebingungan. Pada saat ini akal tidak lagi mampu untuk menanggapinya dan ia akan menemukan jawapan kepada penyebab kepada segala sebab iaitu Allah SWT.

Hal ini menunjukkan bahawa Ibn Khaldun memperakui potensi akal manusia untuk berfikir, namun dalam masa yang sama perlu difahami bahawa akal manusia turut terbatas daripada memikirkan perkara di luar kemampuannya. Menyedari hakikat bahawa akal tidak mampu untuk menjangkau keseluruhan ilmu Allah SWT, maka Ibn Khaldun melihat pentingnya kebergantungan akal kepada wahyu khususnya dalam pencarian *ma'rifatullah*. Lantaran itu, wahyu diperlukan untuk memandu akal manusia agar mencapai tahap *ma'rifatullah*. Hal ini jelas menggambarkan bahawa Ibn Khaldun mengiktiraf kedua-dua bentuk dalil iaitu dalil akal dan wahyu dalam kehidupan manusia khususnya dalam pencarian hakikat ketuhanan dan kesedaran terhadap tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah terhadap Tuhan yang ditemuinya.

Daripada itu dapat difahami bahawa akal memerlukan wahyu dalam pencarian kebenaran kerana ia akan memandu manusia daripada tergelincir ke lembah kesesatan. Ini kerana Allah SWT lebih mengetahui jalan-jalan yang membawa kebaikan kepada hamba-hambaNya.²⁷ Hal ini selari dengan pandangan al-Ghazali dalam *al-Iqtisad fi I'tiqad* yang menyatakan bahawa akal bersama syariat seperti cahaya atas cahaya.²⁸ Akal perlu digunakan secara

²⁷ Al-Ghazali, *al-Munqidh*, 553.

²⁸ al-Ghazali, *Iqtisad fi I'tiqad* (Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiah, 1988).

maksimum untuk mengenal Allah SWT tetapi ia perlu diiringi dengan panduan syariat. Sesungguhnya manusia tidak akan menemui cahaya dalam kehidupan dan akan terus berada dalam kegelapan sekiranya wahyu dipisahkan dalam kehidupan.

Hakikatnya akal yang berpandukan wahyu akan membawa manusia menuju jalan tauhid. Ibn Khaldun secara jelas menyatakan bahawa *burhan `aqli* (dalil akal) akan menyedarkan manusia kepada keesaan Allah SWT berdasarkan jalan yang paling tepat untuk difahami.²⁹

فَلَيَنْقُدَمْ هَنَا لطِيفَةً فِي بِرْهَانِ عَقْلِيٍّ يَكْشِفُ لَنَا عَنِ التَّوْحِيدِ عَلَى أَقْرَبِ
الطَّرِيقِ وَالْمَلَخِذِ

Terjemahan: Maka marilah kita kemukakan di sini satu perkara yang halus dalam bentuk hujah akal, yang akan menyingkap kepada kita hakikat tauhid dengan cara dan pendekatan yang paling dekat (mudah difahami).

Istilah ‘burhan ‘aqli’ yang digunakan oleh Ibn Khaldun adalah merujuk kepada seni *burhan* yang merupakan metode penghujahan penting yang menjadi fokus kajian mantik dan ia berbeza dengan metode pendalilan yang lain kerana ia menggunakan silogisme atau kaerah *qias* yang berasaskan kepada premis yang benar dan meyakinkan.³⁰ Kaerah ini yang dimanfaatkan oleh para ulama Islam daripada tradisi Greek-Yunani dalam mengisbatkan prinsip keimanan. Pengiktirafan Ibn Khaldun terhadap kaerah ini menggambarkan bahawa beliau mengiktiraf penggunaan penghujahan dalil akal dalam akidah yang berupaya mendorong manusia mencapai *ma'rifatullah*.

Pandangan Ibn Khaldun ini dilihat selari dengan al-Razi yang meletakkan tujuan *al-nazar* adalah untuk mengenal Allah SWT atau mencapai *ma'rifatullah* dan seterusnya akan mendorong manusia untuk taat melaksanakan perintah Allah SWT

²⁹ ‘Abd al-Rahman ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, 552.

³⁰ Mohd Fauzi Hamat, “Ketokohan al-Ghazali dalam Bidang Mantik: Suatu Analisis Terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam Kitab al-Mustasfa min al-‘Ilm al-Usul” (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).

(ta'atullah).³¹ Daripada itu dapat difahami bahawa dalil akal seharusnya digunakan dalam pengajian tauhid, sebagaimana yang ditelusuri oleh para ulama kalam dan pendekatan ini perlu digunakan dalam pengajian akidah, khususnya di peringkat sekolah menengah dan universiti.

ii. Pengajian Ilmu Kalam yang mendorong kepada aspek Penghayatan Amalan

Perbincangan Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* mengenai ilmu kalam tidak terhenti pada sekitar perbahasan yang bersifat teori semata-mata, khususnya dalam aspek kognitif berkisar tentang kaedah untuk mencapai *ma'rifatullah*, tetapi lebih dari itu adalah untuk melahirkan hakikat insan yang sebenar (*haqiqat insaniyyah*) iaitu individu yang teguh akidah keimanannya dan patuh kepada syariat Allah SWT sebagai syarat untuk mencapai kebahagiaan. Ini jelas dapat dilihat melalui karya *Muqaddimah* beliau:

و التوجه إلى مسبب الأسباب كلها و فاعلها و موجدها لترسخ صفة
التوحيد في النفس على ما علمنا الشارع الذي هو أعرف بمصالح ديننا
و طرق سعادتنا

Terjemahan: Dan berarah (bertumpu) kepada Penyebab segala sebab, Pelaku dan Pencipta semuanya, agar sifat tauhid itu tertanam kukuh dalam jiwa sebagaimana yang telah diajarkan oleh Syari‘ (pembawa syariat), yang lebih mengetahui tentang maslahat agama kita dan jalan-jalan menuju kebahagiaan kita.

Lantaran itu, tumpuan (*tawajuh*) perlu diberikan kepada Allah SWT yang merupakan Penyebab bagi segala sebab, Pembuat segala sesuatu dan Penjadinya agar sifat tauhid tertanam teguh dalam diri seseorang berdasarkan apa yang telah diajarkan oleh Penggubal Syariat (iaitu Allah SWT) kerana Dia lebih mengetahui tentang maslahah agama manusia dan jalan-jalan untuk membolehkan manusia mencapai kebahagiaan.³² Justeru, dapat difahami bahawa tauhid seharusnya mendorong manusia

³¹ Fakhr al-Din al-Razi, *Usul al-Din* (Mesir: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariah, t.t).

³² Abd al-Rahman ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 552.

untuk menuruti aturan syariat, antaranya dengan melakukan ibadat yang difardukan dan disunatkan dan amalan-amalan mulia agar manusia beroleh kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Inilah sumbangan pengajian tauhid bagi mempastikan warga Muslim di rantau ini boleh mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di rantau ini.

Secara praktisnya hal ini turut dilihat selari dengan seruan azan yang difokuskan kepada pengakuan terhadap kebesaran Allah SWT terlebih dahulu dengan lafadz *Allahu Akbar* diikuti dengan lafadz syahadah atau kesaksian kemudian ajakan mengerjakan solat “*hayya ‘ala al-solah*” dan seterusnya ajakan menuju kejayaan “*hayya ‘ala al-falah*”. Jelas dapat dinyatakan bahawa hakikat kejayaan dan kebahagian yang abadi hanya akan tercapai setelah melalui jalan tauhid yang sebenar.

Sehubungan itu perlu difahami bahawa pengajian ilmu kalam bukan hanya pada sekitar perkara teori, tetapi lebih jauh daripada itu adalah untuk membawa manusia mengenal Allah SWT atau mencapai *ma’rifatullah* dan seterusnya mencetus kepada *ta’atullah* bagi melahirkan insan kamil. Ini bertepatan dengan konsep iman yang merangkumi tiga unsur utama iaitu diyakini dengan hati, dilafazkan dengan lidah dan beramal dengan anggota.

Justeru, dalam konteks melestarikan Islam di Alam Melayu kini, pengajian ilmu kalam yang berperanan membawa manusia mengenal Allah SWT dan seterusnya melaksanakan perintah Allah adalah amat bertepatan. Ini kerana melalui pengajian ini akan terhasilnya masyarakat yang berpegang teguh kepada akidah, syariat dan akhlak selari dengan hadis Jibril mengenai Iman, Islam dan Ihsan. Sesungguhnya ketiga-tiga aspek inilah yang akan membentuk insan dan masyarakat yang dapat berperanan dengan baik dalam melestarikan Islam di Alam Melayu.

Daripada itu jelas dapat dinyatakan bahawa perbincangan ilmu kalam Ibn Khaldun bukan hanya sekitar teori tetapi adalah untuk melihat hasil manusia yang boleh berperanan dalam melestarikan alam sejagat. Hal ini yang perlu ditekankan dalam pengajian ilmu kalam di institusi-institusi pendidikan dan institusi masjid di Alam Melayu. Pegangan tauhid yang kukuh dalam setiap diri individu muslim sangat penting dalam memastikan kelestarian Islam di Alam Melayu.

iii. Peranan Ilmu Kalam dalam Penolakan Keraguan (bidaah)

Seterusnya pengajian ilmu kalam turut berperanan dalam menolak sebarang bentuk penyelewengan daripada prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini amat penting bagi menjamin keutuhan iman dalam masa yang sama menghapuskan segala bentuk penyelewengan yang boleh menggugat pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan merencatkan usaha melestarikan Islam di Alam Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa gagasan pengajian ilmu kalam berdasarkan mazhab Asha'irah yang menekankan integrasi dalil akal dan wahyu sangat berperanan dalam mengukuhkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sekaligus menolak segala bentuk keraguan dari golongan bidaah yang menyimpang dari iktikad mazhab salaf dan Ahli Sunnah. Hal ini sangat penting dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan seterusnya merealisasikan kelestarian Islam di Alam Melayu.

Justeru, pengajian ilmu kalam menurut Ibn Khaldun dilihat sangat relevan untuk diaplikasi dalam usaha melestarikan Islam di Alam Melayu. Menurut Ibn Khaldun, kefahaman ilmu kalam sangat penting dalam usaha menolak golongan ahli bidaah yang menyimpang dalam perkara iktikad daripada mazhab mazhab salaf dan Ahli Sunnah.³³ Penolakan terhadap fahaman aliran pemikiran yang dibawa oleh ahli bidaah yang menyimpang dalam perkara-perkara iktikad daripada mazhab mazhab salaf dan Ahli Sunnah perlu diberi perhatian untuk ditangani. Hal ini penting bagi memelihara pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Asha'irah yang telah menjadi mazhab arus perdana sejak sekian lama.

Menurut perbincangan Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*, aliran ahli bidaah disandarkan kepada golongan yang menyeleweng daripada Mazhab Asha'irah iaitu *mushabbiyah*, *mu'tazilah* dan *mujassimah*. Penyelewengan kumpulan-kumpulan ini adalah kerana mereka terkeluar daripada manhaj wasatiyyah yang menjadi ciri utama mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut Ibn Khaldun, golongan *mushabbiyah* merupakan ahli bidaah yang mengakui *tasyhbih* dalam zat Tuhan (menyamakan Tuhan dengan Makhluk) dengan mempercayai bahawa Tuhan

³³ 'Abd al-Rahman ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 553.

memiliki tangan, kaki dan wajah. Sedangkan golongan bidaah *mu'tazilah* pula muncul dengan menggunakan pendekatan *tanzih* iaitu menolak sifat Tuhan dan menggunakan dalil akal semata-mata sekaligus berpegang bahawa al-Quran ialah makhluk ciptaan. Golongan *mujassimah* pula telah menetapkan kejisiman Tuhan dan mereka jauh lebih tersesat dalam bidaah.³⁴ Justeru, kebangkitan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah untuk menghadapi golongan bidaah ini dengan menggunakan kaedah integrasi dalil akal dan wahyu yang menjadi pendekatan utama pengajian ilmu kalam Sunni³⁵ dengan manhaj *wasatiy* berslogarkan *la ifrat wa la tafrit* iaitu tidak terlalu tegar terikat dengan nas dan tidak juga terlalu bebas terbuka melampaui batas syariat berdasarkan nas.³⁶

Sehubungan itu, dapat difahami bahawa manhaj mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bersifat *wasatiy* dan sederhana dalam menggunakan dalil akal dan wahyu. Integrasi dalil akal dan wahyu dilihat sangat penting dan perlu dalam menolak fahaman yang menyeleweng daripada Mazhab Asha'irah. Pegangan kepada mazhab arus perdana inilah yang berjaya melestarikan Islam di Alam Melayu kerana gagasan akidah yang diasaskan oleh al-Ash'ari diterima oleh jumhur kaum Muslimin sepanjang zaman, sama ada ulama, para fuqaha dan para pemimpin politik Islam yang agung. Berasaskan pegangan akidah yang kukuh ini, mereka dapat menjaga hukum hakam syariat, mempertahankan agama Islam yang suci dan melaksanakan pemerintahan dengan adil dan saksama demi kelestarian Islam di Alam Melayu.

Sultan-sultan di tanah Melayu berperanan memelihara akidah Ahli Sunnah sejak dahulu lagi. Bahkan, karya yang ditulis untuk para sultan dan jemaah menteri yang merekodkan kemestian berpegang dengan akidah *Ash'ariyyah* ialah karya yang tertua di Nusantara yang menyentuh asas akidah *Ash'ariyyah*, termasuk karya yang tua seperti kitab *Taj al-Salatin* yang dikarang oleh Bukhari al-Juhori atau al-Jawhari di Aceh pada tahun 1603M. Pada Fasal kedua dari 24 fasal kitab tersebut, Bukhari telah

³⁴ 'Abd al-Rahman ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 558-559.

³⁵ 'Abd al-Rahman ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 559.

³⁶ al-Ghazali, *Iqtisad fi I'tiqad*.

menghuraikan asas pegangan akidah sesuai mazhab Ash‘ari mengikut neraca al-Ghazali.³⁷

Tidak syak lagi, kitab *Taj al-Salatin* yang merupakan sebuah karya tatacara dan adab-adab para pembesar Alam Melayu ini menekankan pengajian akidah mengikut manhaj al-Ash‘ari. Penekanan pengajian akidah dalam kalangan kerabat diraja dan para menteri ini berterusan sehingga pada abad-abad terakhir, seperti yang dapat dilihat dalam catatan pengarang *Tuhfah al-Nafis* yang ada menukilkan sebuah bait daripada kitab *Jawharah al-Tawhid* karangan Ibrahim al-Laqqani (w. 1041H/1632M) yang merupakan salah satu sukanan pengajian akidah mazhab Ash‘ari terpenting hingga hari ini.³⁸ Hal ini selari dengan perbincangan ilmu kalam Ibn Khaldun yang juga memberi pengiktirafan terhadap Ash‘ari dengan mengungkapkan bahawa tokoh besar ini sebagai penyelamat kepada umat Islam dalam memberikan penyelesaian kepada beberapa isu dan kemelut permasalahan akidah terutamanya yang berkait dengan sifat Allah SWT. Selain itu, Ibn Khaldun telah menampilkkan Ash‘ari sebagai tokoh yang telah membersihkan dan memberikan nafas baharu kepada ilmu kalam kerana dengan manhaj ini golongan-golongan yang menyeleweng seperti *mushabbihah*, *mu’tazilah* dan *mujassimah* dapat diatasi.³⁹

Hal ini jelas membuktikan bahawa pengajian ilmu kalam mempunyai sisi positif yang dapat dimanfaatkan demi kelestarian Islam di Alam Melayu. Justeru, pengajian ilmu kalam berdasarkan *Muqaddimah* Ibn Khaldun melalui gagasan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Asha‘irah dilihat sangat relevan dalam konteks Alam Melayu kini. Dalam situasi kini yang tidak terlepas daripada cabaran penyelewengan ahli bidaah, maka pengajian ilmu kalam amat diperlukan bagi menyelamatkan umat Islam daripada sebarang bentuk penyelewengan sekaligus merealisasikan kelestarian Islam di Alam Melayu.

³⁷ Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim, “Ahli Sunnah Wal Jamaah”.

³⁸ Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim, “Ahli Sunnah Wal Jamaah”.

³⁹ Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, “Wacana Integrasi Ilmu-ilmu Naqli dan Aqli dalam Muqaddimah Ibn Khaldun,” *Perdana International Journal of Academic Research* 1 (2018), 40-43.

Saranan Pemantapan Pengajian Ilmu Kalam dalam Melestarikan Islam di Alam Melayu Kini

Melihat kepada kepentingan dan kerelevan pengajian ilmu kalam menurut Ibn Khaldun, maka dikemukakan beberapa saranan ke arah pemantapan pengajian ilmu tersebut dalam usaha melestarikan Islam di Alam Melayu. Antaranya:

- i. Silibus pengajian ilmu kalam berdasarkan perspektif Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* perlu dikenakan di Institusi Pendidikan sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Silibus perlu digubal mengikut tahap dan kefahaman pelajar. Hal ini penting sebagai asas menyemai tauhid yang sahih dalam kalangan para pelajar.
- ii. Silibus pengajian ilmu kalam perlu diberi nafas baharu dengan turut menekankan aspek amali. Ia bukan sekadar perbincangan yang bersifat teori dan mencetuskan perbalahan akibat salah faham terhadap kepelbagaiannya aliran fahaman yang wujud tetapi lebih daripada itu adalah untuk melahirkan insan kukuh yang pegangan tauhidnya sehingga dapat mencapai *ma'rifatullah* dan seterusnya mencetus *ta'atullah*.
- iii. Pihak kerajaan perlu menerapkan kepentingan pengajian ilmu kalam dan kepentingan berpegang teguh kepada gagasan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Asha'irah melalui jabatan atau agensi yang dipertanggungjawabkan dalam memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat, contohnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam konteks Malaysia, manakala di Negara Brunei Darussalam institusi yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan pengajian ilmu kalam yang berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Asha'irah adalah Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan diatas jelas dapat dinyatakan bahawa perbincangan ilmu kalam menurut perspektif Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* dilihat amat bertepatan dan relevan dalam usaha

melestarikan Islam di Alam Melayu. Pengajian ilmu kalam yang menekankan integrasi dalil akal dan wahyu perlu diberi perhatian bagi melahirkan hakikat insan yang sebenar iaitu mencapai tahap *ma'rifatullah* dan seterusnya mencetus kepada *ta'atullah* yang akhirnya membawa manusia menuju kebahagiaan yang abadi. Daripada itu jelas dapat dinyatakan bahawa pengajian ilmu kalam menurut Ibn Khaldun bukan sekadar bersifat teori tetapi juga bersifat amali atau praktikal. Ibn Khaldun telah mengiktiraf akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diasaskan oleh Ash'ari sebagaimana yang dapat dirumuskan berdasarkan penelitian terhadap *Muqaddimah* dan oleh sebab itu, usaha pemerkasaan pengajian ilmu kalam berdasarkan warisan tokoh ulama yang berjaya mengasaskan mazhab arus perdana ini perlu dimantapkan daripada semasa ke semasa selaras dengan usaha untuk melestarikan Islam di Alam Melayu. Hal ini juga adalah selari dengan usaha para ulama dan umara di Alam Melayu semenjak pada abad ke-15 lagi.

Rujukan

- A.Toynbee. *A Study of History*. London: Oxford University Press, 1956.
- 'Abd al-Rahman ibn Khaldun. *al-Muqaddimah*. Kaherah: Dar al-Fajr, 2013.
- Al-Ghazali. *Al-Munqidh Min al-Dhalal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988.
- _____. *Iqtisad fi I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1988.
- Azmil Zainal Abidin. "Kajian Kemasyarakatan dan Ketamadunan (Ilmu 'Umran) Menurut Perspektif Usuluddin: Tumpuan Analisis Terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun." Dalam *Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaysia, 2007.
- Fakhr al-Din al-Razi. *Usul al-Din*. Mesir: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariah, t.t.
- Idris Zakaria. "Hubungan Politik dan Agama." Dalam *Falsafah Ibn Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015.

- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. "Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dengan Islam Hadhari dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama di Malaysia." Dalam *Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporeri*, ed. Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeng Deuraseh, Sri Rahayu Ismail & Haslinda Abdullah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia, 2007.
- Mahayudin Haji Yahaya. *Umran Alam Wadah Pembangunan Ummah*. Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2013.
- Mohammad Abdullah Enan. *Ibn Khaldun His Life and Works*. Kuala Lumpur: The Other Press, 2007.
- Mohd Fauzi Hamat. "Ketokohan al-Ghazali Dalam Bidang Mantik: Suatu Analisis Terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam Kitab al-Mustasfa min al-'Ilm al-Usul." Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.
- Mohd Haidar Kamarzaman. "Kesinambungan Akidah al-Ash'ari terhadap Pendekatan Salaf al-Salih dalam Persoalan Sifat." *International Journal of Islamic Thought (IJIT)* 16 (2019).
- Mohd Nasir Omar & Muda@Ismail Ab Rahman. "Biografi Ibnu Khaldun." Dalam *Falsafah Ibn Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015.
- Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim. "Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu." Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 3.0. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019.
- Muhammad Murtada al-Zabidi. *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin Syarh Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Darul Fikr, t.t.
- Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syariehudin Abdullah. "Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1392M) dalam Dunia Pendidikan." Dalam *Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya dalam Tamadun Kontemporeri*, ed. Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeng Deuraseh, Sri Rahayu Ismail & Haslinda Abdullah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia, 2007.

- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. “Wacana Integrasi Ilmu-ilmu Naqli dan Aqli dalam Muqaddimah Ibn Khaldun.” *Perdana International Journal of Academic Research* 1 (2018).
- Yusri Mohamad Ramli. “Pandangan Sarjana Terhadap Nuansa Pemikiran Ibnu Khaldun.” Dalam *Falsafah Ibn Khaldun*, ed. Ahmad Sunawari Long. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015.
- Zaid Ahmad. “Ibn Khaldun: Tradisi Ilmu dan Relevansinya dalam Wacana Kontemporari.” Dalam Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam tamadun Kontemporari. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2007.
-
- _____. “Muqaddimah Ibn Khaldun: Pengasas Ilmu Sejarah Sebagai Disiplin Sains Sosial.” Dalam *Karya Agung Tamadun Islam & Tamadun Melayu*, ed. Khairul Azhar Idris. Kuala Lumpur: IKIM, 2014.

